

Ingatan Mahathir kepada persatuan

U.M. - 7 JUN 1993

LANGKAWI 6 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan persatuan-persatuan bahawa mereka akan hilang integriti dan kepercayaan masyarakat sekiranya membiarkan diri mereka terlibat dalam arena politik.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, sekiranya persatuan-persatuan berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan taraf kemahiran ahli-ahlinya, sudah tentu akan berjaya menaikkan kewibawaan profesion mereka.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) supaya tidak membiarkan persatuan itu diperalatkan oleh segelintir ahli-ahlinya semata-mata untuk kepentingan mereka.

"MMA harus mempertahankan kredibiliti profesion ahli-ahlinya demi membina imej persatuan itu," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan persatuan berkenaan di sebuah hotel di sini, malam ini.

Etika

Perdana Menteri mengingatkan bahawa persatuan-persatuan profesional bukan seperti kesatuan sekerja tetapi harus mengutamakan etika dan tahap untuk meningkatkan profesionalisme di kalangan ahli-ahlinya.

Dengan itu, ujarnya, mereka akan diterima dan diiktiraf oleh masyarakat sekiranya fungsi asas persatuan itu sentiasa diberi perhatian.

"Profesion perubatan memerlukan penghormatan dan keyakinan da-

ripada masyarakat yang menerima perkhidmatan mereka," ujarnya.

Sebelum itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membelanjakan hampir lima peratus daripada Keluaran Negara Kasar bagi perkhidmatan kesihatan pada tahun 2000 dan kadar ini dijangka meningkat tujuh peratus pada tahun 2020.

Menurut beliau, masanya telah tiba bagi kerajaan meneliti peranan sektor swasta bagi membantu ke arah penyediaan perkhidmatan yang lebih saksama dan mampu dinikmati oleh golongan masyarakat yang lebih ramai.

Sementara itu, beliau menasihati doktor-doktor memberikan perkhidmatan yang baik untuk rawatan yang diberikan agar pesakit mendapat manfaat.